

Mengiktiraf dan Melaporkan OECM di Malaysia

Projek biayaan GEF-SGP yang dikendalikan oleh SE Asia Rainforest Research Partnership (SEARRP)

Oktober 2019 sehingga September 2021 (24 bulan)

Latar belakang

Perwartaan Kawasan Perlindungan merupakan pendekatan utama bagi mencapai perlindungan dan pemuliharaan ekosistem laut, pesisiran pantai, air tawar dan daratan secara jangka masa panjang di Malaysia. Pendekatan pelengkap yang diperkenalkan dalam Sasaran 11 Aichi Konvensyen Kepelbagaian Biologi (KKB), iaitu *Other Effective Area-based Conservation Measures (OECM)* atau langkah-langkah lain bagi pemuliharaan berasaskan kawasan yang berkesan), membolehkan perlindungan dan pemuliharaan biodiversiti penting di kawasan yang berada di luar rangkaian Kawasan Perlindungan.

Keputusan KKB COP-14/8 mentakrifkan OECM sebagai:

“Kawasan yang ditentukan secara geografi, selain Kawasan Perlindungan, yang ditadbir-urus dan diurus dengan cara-cara yang mencapai hasil jangka panjang yang positif dan lestari untuk pemuliharaan biodiversiti in-situ dengan fungsi dan perkhidmatan ekosistem yang berkaitan dan dimana berkenaan, nilai budaya, rohani, sosio-ekonomi, dan nilai-nilai tempatan lain yang berkaitan.”

Bermula Oktober 2019, SE Asia Rainforest Research Partnership (SEARRP) dengan sokongan dana daripada GEF-Small Grants Programme di Malaysia sedang menjalankan sebuah projek selama dua tahun untuk menyiasat potensi OECM dan meningkatkan pemahaman tentang bagaimana pendekatan ini dapat dilaksanakan di Malaysia. Dengan usahasama rakan sekerja dan para pihak berkepentingan, projek ini sedang dijalankan selama dua tahun, iaitu dari Oktober 2019 sehingga September 2021. Tujuan keseluruhannya adalah bagi menentukan dasar dan institusi yang diperlukan supaya OECM di Malaysia dapat menyumbang secara rasmi ke arah pemuliharaan biodiversiti *in-situ* yang berasaskan kawasan.

Proses ditahap antarabangsa

Di tahap antarabangsa, usaha untuk menentukan OECM diketuai oleh Kesatuan Antarabangsa bagi Konservasi Alam Semulajadi (*International Union for the Conservation of Nature, IUCN*) yang telah membentuk Pasukan Petugas OECM dibawah Suruhanjaya Kawasan Perlindungan Sedunia (World Commission on Protected Areas (IUCN-WCPA) Task Force on OECMs) pada tahun 2015. Usaha dalam bidang OECM telah mengalami pecutan setelah Keputusan KKB COP-14 menggunakan definisi rasmi OECM pada bulan November 2018, lalu menyeru kepada semua Pihak Negara untuk mengaplikasi panduan saintifik dan teknikal IUCN untuk mengenalpasti dan melaporkan OECMs di dalam bidang kawasan masing-masing bagi mencapai Sasaran 11 Aichi (dan sasaran pasca-2020 yang sama dengannya). Pangkalan Data Kawasan Perlindungan Sedunia (*World Database on Protected Areas, WDPA*) telah membentuk pangkalan data yang baru bagi melaporkan OECM.

Proses di Malaysia

OECM dinyatakan sebagai pendekatan pemuliharaan berasaskan kawasan dalam Sasaran 6 Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025. Besar kemungkinan bahawa rizab tebing sungai, koridor hidupan liar, dan kawasan yang diurus oleh Orang Asal dan komuniti setempat menghasilkan faedah *in-situ* yang signifikan bagi biodiversiti – tetapi untuk ianya diiktiraf dan dilaporkan sebagai OECM, adalah penting untuk terdahulunya meningkatkan pemahaman kita terhadap OECM di dalam konteks Malaysia: apakah ciri-ciri yang menentukan OECM serta apakah cara-cara tadbir-urus saksama dan pengurusan berkesan terhadap kawasan ini yang menghasilkan pemuliharaan *in situ* biodiversiti pada jangka masa panjang?

Bidang Tumpuan Utama

Projek ini terdiri daripada empat bidang tumpuan utama:



MELIBATKAN penggubal dasar, pengamal pemuliharaan dan pemeliharaan, dan pihak-pihak berkepentingan tempatan bagi memperkenalkan konsep OECM dan mengkaji serta meneroka potensi pendekatan OECM di Malaysia

Pada bulan November 2019 dan Januari 2020, mesyuarat dengan pihak-pihak berkepentingan telah diadakan di Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching bagi memperkenalkan konsep OECM dan Panduan Teknikal IUCN-WCPA. Mesyuarat-mesyuarat ini telah melibatkan hamper 100 wakil dari lebih daripada 60 pihak berkepentingan yang membincangkan ciri-ciri tapak OECM berpotensi di seluruh negara. Dua lagi bengkel dirancang untuk peringkat pertengahan dan akhir projek yang akan melibatkan pihak berkepentingan dalam mengkaji dan meneroka kes-kes kajian OECM Malaysia serta menggalakkan input dari mereka. Kami telah melancarkan laman web projek (www.searrp.org/pr/oecm-malaysia) yang mengandungi pautan maklumat OECM di seluruh dunia.



MENYIASAT potensi OECM di Malaysia dan pelaksanaan penilaian tapak

Di antara bulan Disember 2019 dan Februari 2020, projek ini telah melancarkan Panggilan Kes Kajian dengan menjemput pihak-pihak berkepentingan untuk menghantar kes-kes kajian tapak OECM berpotensi yang merangkumi kawasan marin, persisiran pantai, air tawar dan daratan. Kes-kes yang diterima telah disemak bersama dengan Kumpulan Penasihat projek dan sebanyak 19 tapak yang pada amnya memenuhi kriteria OECM telah disenarai pendekkan untuk dibawa ke peringkat penilaian tapak. Bermula dari pertengahan 2020, proses penilaian tapak akan melibatkan para pihak berkuasa tapak yang disenarai pendekkan untuk mengaplikasikan “Metodologi Penilaian OECM” IUCN-WCPA dalam menilai setiap tapak berdasarkan kriteria OECM. Hasil daripada proses ini akan didokumentasi sebagai portfolio OECM Malaysia. Pengajaran dan pengalaman projek akan diterapkan ke dalam manual mudah-guna bagi pihak berkepentingan untuk mengenalpasti, menilai dan memantau OECM di Malaysia.



MENCADANGKAN mekanisma untuk mengiktiraf dan melaporkan OECM, dengan menggunakan Sabah sebagai kajian kes.


Bermula pertengahan 2020, projek ini akan menjalankan analisa dasar strategik mengenai rintangan serta peluang untuk melaksanakan pendekatan OECM dalam konteks Malaysia. Ini akan merangkumi kajian kes di Sabah yang akan memanfaatkan kesediaan yang ada untuk membincangkan cadangan dari segi pembaharuan perundangan, dasar dan institusi yang akan membolehkan OECM menyumbang kepada pemuliharaan *in-situ* di Sabah secara rasmi. Projek ini juga akan melibatkan pusat fokal nasional dan subnasional KKB bagi mengkaji protokol pelaporan OECM terhadap Sasaran 6 Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025 dan ke Konvensyen Kepelbagaian Biologi.



MENYAMPAIKAN maklumat mengenai proses OECM Malaysia, termasuk di peringkat antarabangsa

Laman web projek akan bertindak sebagai portal maklumat mengenai aktiviti dan hasil penemuan projek, serta pautan ke sumber-sumber penting mengenai OECM. Projek ini akan terus berkomunikasi dengan Pasukan Petugas IUCN-WCPA mengenai OECM dan berkongsi maklumat projek terkini serta pengalaman dari Malaysia, termasuk maklumbalas tentang ‘Metodologi Penilaian OECM’. Projek ini juga akan mengambil peluang untuk berkongsi penemuan dan pengalaman semasa di sesi mesyuarat nasional and antarabangsa, seperti Kongres Konservasi Sedunia IUCN, KKB COP-15 dan Kongres Taman-taman Asia ke-dua pada bulan Mei 2021.

Projek GEF-SGP Mengiktiraf dan Melaporkan OECM di Malaysia, 2019-2021



*Garis masa di sini telah disingkatkan untuk tujuan paparan. Aktiviti-aktiviti utama (contohnya penilaian tapak dan analisis dasar) akan dijalankan secara serentak dan dijangka siap pada penghujung tempoh projek.